



**MAJLIS PERBANDARAN KLUANG
86000 KLUANG**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia khususnya kepada rakyat Negeri Johor yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan **JAWATAN TETAP** berikut di Majlis Perbandaran Kluang.

A. NAMA JAWATAN

| BIL | JAWATAN | GRED | KUMPULAN PERKHIDMATAN | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | KEKOSONGAN |
|-----|----------------------------|------|-----------------------|--------------------------|------------|
| 1. | Penolong Pegawai Penilaian | W29 | Pelaksana | Kewangan | 1 |

B. SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN KELULUSAN

1. JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W29

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - (iii) diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,851.28).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W29

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan
 - (a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - I. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - II. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - III. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

C. PENA KLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

D. PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat **SECARA ONLINE DI LAMAN SESAWANG MAJLIS PERBANDARAN KLUANG** Sebarang masalah berkaitan permohonan jawatan sila hubungi Bahagian Sumber Manusia, Majlis Perbandaran Kluang di talian 07-7771473/1410 atau email kepada hrmpkluang@gmail.com

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 04 SEPTEMBER 2021

E. PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- a) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini ;
- b) Pemohon bagi jawatan ini **hendaklah disertakan dengan ‘video resume’ sebagaimana berikut:**
 - i. Berdurasi tidak lebih dari 3 minit
 - ii. Menggunakan suara pemohon sebenar
 - iii. Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah:
 - Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon
 - Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon
 - Ringkasan pengalaman kerja pemohon
 - Pekerjaan / aktiviti terakhir atau semasa pemohon
 - Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon
 - Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon
 - Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau ‘NGO’
 - Ringkasan kelebihan / kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon
 - Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon
 - Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon

- iv. Pemohon digalakkan menghasilkan ‘video resume’ yang unik dan kreatif.
 - v. Semua ‘video resume’ hendaklah dihantar melalui email kepada urusetia di alamat hrmpkluang@gmail.com Sila Pastikan setiap video yang dihantar mempunyai nama, no. kad pengenalan dan nama jawatan yang dipohon.
- c) Pemohon perlu memenuhi syarat kelayakan yang telah dinyatakan di iklan dan memuat turun gambar serta dokumen-dokumen yang diperlukan iaitu gambar berukuran passport, Salinan lesen memandu, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah;
 - d) Permohonan yang lewat tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan **DITOLAK**;
 - e) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga;
 - f) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
 - g) Pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang tidak akan bertanggung jawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang
86000 Kluang**